

15 AUG 1996

Mahathir-Implikasi

KERAJAAN KAJI IMPLIKASI KEPUTUSAN MAHKAMAH MENGENAI STANDARD BUKTI

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang mengkaji keseluruhan implikasi keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai standard bukti bagi menjamin keadilan kepada mereka yang menghadapi tuduhan jenayah dan masyarakat.

Perdana Menteri berkata, keputusan mahkamah pada 27 Julai lepas itu banyak memberi kesan kepada kes-kes yang sedang menunggu perbicaraan dan rayuan di mahkamah-mahkamah di seluruh negara.

"Sekarang ini kita dapati ada masalah sikit dan kita harus cari jalan untuk mengatasi masalah ini.

"Kita ada lebih 400 kes yang hendak dibicara yang kita percaya semuanya akan terlepas berikutan keputusan itu (keputusan Mahkamah Persekutuan)," katanya ketika ditanya pemberita selepas melakukan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Polis Persekutuan di Bukit Aman, di sini hari ini. Dr Mahathir adalah juga Menteri Dalam Negeri.

Mahkamah Persekutuan, pada 27 Julai lepas membuat keputusan majoriti 4-3 bahawa pihak pendakwaan dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah perlu membuktikan tuduhan mereka melampaui keraguan munasabah pada semua peringkat.

Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa meminta supaya kes-kes jenayah yang sedang menunggu perbicaraan dan rayuan di Mahkamah-mahkamah Tinggi di seluruh negara ditangguhkan sehingga kajian terhadap implikasi keputusan Mahkamah Persekutuan itu selesai.

Beliau berkata semua pihak perlu ingat bahawa keadilan bukan sahaja untuk mereka yang dituduh tetapi juga mesti ada keadilan untuk masyarakat.

Perdana Menteri mengakui sukar bagi kerajaan untuk meneruskan pendakwaan terhadap kes-kes itu sekarang kerana faktor beban bukti yang perlu diberi keutamaan sepanjang perbicaraan.

Bagaimanapun Dr Mahathir mengingatkan bahawa tanggungjawab kerajaan adalah untuk melindungi kepentingan kedua-dua belah pihak -- orang yang menghadapi tuduhan dan juga masyarakat.

Kalau kerajaan berat sebelah kepada kepentingan mereka yang dituduh maka pihak masyarakat pula akan hilang kepentingan keadilan bagi mereka, katanya.

Sementara itu, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah berkata, jabatannya sedang mengkaji Kanun Prosedur Jenayah dan undang-undang yang berkaitan dengannya bagi menangani masalah berkenaan.

Mohtar, yang hadir pada lawatan rasmi Perdana Menteri ke Bukit Aman untuk memberi taklimat mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan itu, berkata cadangan pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah akan dikemukakan kepada kabinet dalam tempoh seminggu dua ini.

Katanya, memandangkan keputusan Mahkamah Persekutuan itu mempunyai implikasi yang berat terhadap pendakwaan dan penyiasatan kes-kes polis, kajian terperinci perlu dilakukan bagi memastikan kes-kes berkenaan dapat berjalan dengan lancar dan baik.

"Bukan soal kerajaan sengaja melengah-lengahkan (perbicaraan), ini soal kepentingan keadilan.

"Kita mahu keadilan dilaksanakan dan sebab itu kita mesti melihat implikasi undang-undang bagi memastikan keadilan dilaksanakan dengan betul, bukan sahaja kepada orang yang dituduh tetapi juga negara," katanya.

Isu beban pembuktian itu dibangkitkan dalam kes rayuan seorang atendan lori, S. Arulpragasam, 28, yang dihukum gantung sampai mati oleh Mahkamah

Tinggi Pulau Pinang pada 11 Dis 1992 bagi kesalahan mengedar 1,396 gram ganja.

Bagaimanapun, dia terlepas daripada hukuman apabila Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuannya pada 27 Julai lepas, membatalkan pensabitannya dan mengetepikan hukuman gantung sampai mati itu. -- BERNAMA

AH NMO